

Pelaburan Swasta Dalam Sektor Pertanian Di Sabah Masih Rendah
Bernama
10 Julai, 2012

SANDAKAN, 10 Julai (Bernama) -- Pelaburan swasta dalam sektor pertanian di negeri ini masih pada tahap rendah jika dibandingkan dengan pelaburan di dalam sektor pembuatan atau sektor perladangan.

Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Yahya Hussin berkata ia disebabkan masih wujud persepsi bahawa sektor pertanian mundur dan memberi pulangan yang kurang berbanding sektor lain.

Yahya berkata bagi membangunkan sektor pertanian, kerajaan memerlukan kerjasama dan komitmen yang lebih tinggi daripada pihak swasta agar dapat memainkan peranan yang lebih aktif.

Ini kerana, katanya pertanian dapat menjana ekonomi negeri dan ia sememangnya mempunyai peluang yang luas untuk diterokai dan sekiranya ia diusahakan dengan bersungguh-sungguh akan mendatangkan peluang yang melimpah.

Sehubungan itu, beliau mahu sektor swasta memacu sektor pertanian bagi mempercepatkan transformasi kepada satu sektor yang moden, dinamik, komersial dan berteknologi moden.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679374>